

Rujukan : USM. 38/1 Jld.II
Tarikh : 10 November 2022
Kepada : Semua Staf
Universiti Sains Malaysia

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellery Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 48 TAHUN 2022

- PERMOHONAN SECARA DALAM TALIAN PEMBERIAN AWAL AWARD WANG TUNAI GANTIAN CUTI REHAT (GCR)

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan Hebahan Pendaftar Bilangan 11 Tahun 2022 bertarikh 7 April 2022 adalah berkaitan.

2. Seperti YBhg. Datuk/Dato'/Tuan/Puan sedia maklum, pihak Universiti telah meluluskan Pemberian Awal Award Wang Tunai GCR sebanyak 80 hari kepada staf yang layak memohon dan memenuhi syarat yang ditetapkan oleh pihak kerajaan. Pembayaran bagi perkara ini telah dibuat mulai penggajian bulan April 2022. Bagi meningkatkan mutu penyampaian perkhidmatan, pihak Universiti telah menambah baik kaedah permohonan Pemberian Awal Award Wang Tunai GCR secara dalam talian. **Mulai 15 November 2022**, permohonan hendaklah dibuat melalui **sistem e-Cuti** dengan memilih **menu Pemberian Awal Award Wang Tunai** dan permohonan melalui borang sedia ada di pautan bit.ly/AWTGCR tidak lagi diaktifkan.

3. Dalam hal ini, sila ambil maklum bahawa tempoh permohonan dan pembayaran juga turut berubah. Tempoh permohonan adalah mulai awal bulan sehingga hari terakhir bagi setiap bulan manakala pembayaran akan dibuat bersama emolument pada bulan berikutnya. Berikut adalah contoh tempoh permohonan dan pembayaran :

| Tempoh Permohonan | Pembayaran |
|---|--------------------------------|
| Antara 1 Oktober hingga 30 Oktober 2022 | Penggajian bulan November 2022 |

4. Sekian, harap maklum.

Terima kasih.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Pendaftar

Bendahari